

FESYEN DAN SAHSIAH REMAJA

oleh
HANAPI
DOLLAH

REMAJA sentiasa menjadi tumpuan umum. Masyarakat bukan setakat melihat pendidikan, kesihatan dan hiburan dan pakaian mereka juga. Fesyen dan pakaian menjadikan remaja lebih terserlah dan menonjol.

Fesyen remaja bukan sahaja berkaitan dengan sahsiah atau peribadi dan tahap sosiobudaya, tetapi selera dan minat mereka, seperti hiburan, sukan dan kegiatan masa lapang. Oleh itu, remaja turut mempengaruhi kepelbagaian gaya dan dapat diperhatikan di mana-mana dan pada bila-bila masa. Remaja umumnya peka terhadap apa-apa yang dipakai dan digayakan atau cara memakainya. Contohnya, remaja perempuan berpakaian baju labuh bersama seluar panjang dan bertudung atau berbaju tanpa lengan serta sendat, berseluar singkat dan rambut berwarna. Begitu juga remaja lelaki, ada yang berbaju kemeja dan berseluar panjang atau memakai baju-T gelap dengan lakaran perkataan atau imej tertentu bersama jeans yang koyak di sana sini, serta berambut panjang tidak terurus. Itulah senario fesyen remaja kini.

Kehidupan harian remaja pada dasarnya sentiasa menonjolkan gaya, selera dan minat mereka, termasuklah fesyen. Sebagai golongan belasan tahun, semua yang digayakan oleh mereka, sama ada dalam keadaan rasmi ataupun tidak rasmi, pakaian yang lengkap ataupun ringkas, cepat menarik perhatian. Hal itu ada kaitan dengan kemunculan remaja sebagai satu kelompok sosial. Kelompok tersebut pula biasa terjadi dalam kehidupan kota kerana di kota, penduduknya lebih banyak dan padat ekoran daripada perkembangan yang pesat dalam perbandaran.

Perkembangan fesyen remaja bermula sekitar tahun 1950-an, setelah kota menjadi ruang kehidupan yang baharu. Sebelum tahun itu, remaja dikenali sebagai bella, iaitu orang muda yang menunggu waktu untuk berumah tangga bagi membolehkan mereka dikenali sebagai orang dewasa. Dalam kehidupan tradisi dan desa, perkahwinan berlangsung ketika pasangan berusia belasan tahun. Hal tersebut berbeza daripada kehidupan di kota metropolitan yang moden, yang memberikan ruang yang lebih terbuka dan masa yang lebih panjang untuk masyarakatnya kekal dengan status remaja atau belasan tahun.

Penyebaran media dan hiburan popular yang meluas, terutama di kawasan kota, turut mendorong kemunculan remaja bersama fesyen yang tersendiri. Filem, televisyen, majalah dan muzik rock antara yang membina dan mengukuhkan imej remaja. Kuasa industri dan pasaran secara khusus menjadikan remaja sasaran pengguna barangan mereka. Akhirnya, remaja mempunyai fesyen pakaian dan rambut, muzik, aksesori dan kenderaan sendiri, seperti motosikal, yang berbeza daripada generasi lain.

Perkembangan itu bermula di Amerika sebelum merebak ke Eropah dan seluruh dunia. Perkembangan muzik, filem dan tarian moden, seperti *rock and roll*, munculnya penyanyi seperti Elvis Presley dan bintang filem seperti Marlon Brando dengan peragaan denim jeans seperti dalam filem *The Wild One* (1953) dan filem *The Grease* (1978) yang mendapat sambutan di seluruh dunia termasuk di Malaysia, berjaya memartabatkan fesyen dan gaya hidup remaja. Sejak itu, kelompok remaja terus-

Media seperti majalah hiburan banyak mempengaruhi perkembangan fesyen.



menerus membina budaya fesyen mereka. Oleh sebab asas binaan itu bermula di Barat, maka remaja di negara lain menjadi pengikut kepada apa-apa yang berlaku di sana.

Kini fesyen remaja di Malaysia tidak begitu berbeza daripada fesyen remaja di negara lain yang menjadikan denim jeans sebagai gaya pakaian mereka yang utama. Jeans juga mengalami perubahan, daripada yang bersifat longgar dan berkaki lebar kepada bentuk ketat, punggung singkat dan berkaki kecil. Jeans dipakai bersama baju-T untuk lelaki dan perempuan pula memakainya bersama kemeja-T berleher rendah, tanpa lengan dan sendat. Sungguhpun skirt untuk tahun 1960-an agak labuh, tetapi menjelang tahun 1970-an, bentuknya sangat singkat dan kini gaya itu kembali semula.



Elvis Presley.

Remaja perempuan turut mengenakan seluar pendek yang singkat atau berkaki sempit di paras lutut. Pada tahun 1950-an ketika pengambilan tentera untuk Perkhidmatan Negara di Amerika, muncul gaya remaja berambut pendek, berkaset kulit yang tinggi dan berjaket. Gaya itu muncul kembali, terutama bagi remaja yang memiliki motosikal.

Fenomena Mat Rempit juga adalah sebahagian daripada perkembangan fesyen remaja. Mat Rempit bukan sahaja mahu menyatakan bahawa mereka mempunyai fesyen, tetapi mempunyai gaya hidup yang berbeza daripada remaja yang lain. Remaja yang terlibat dengan kumpulan muzik rock dan metal pula mahu menunjukkan bahawa mereka aktif, cergas, tangkas dan sentiasa mengikuti perkembangan fesyen melalui pakaian mereka.

Kemunculan fesyen remaja yang tersendiri secara langsung menimbulkan fenomena jurang generasi. Jurang generasi itulah yang menonjolkan gaya hidup remaja sebagai sesuatu yang negatif. Bagi golongan dewasa, perlakuan dan gaya yang dipergunakan oleh remaja itu dianggap tidak cocok dengan tatasusila yang ada, lebih-lebih lagi terdapat perbezaan zaman antara generasi tersebut. Contohnya, ibu bapa mereka dewasa 30 - 40 tahun lalu dan waktu itu berbeza daripada suasana tahun 2000-an sekarang. Orang dewasa menganggap bahawa apa-apa yang dilakukan oleh remaja, termasuk fesyen pakaian, bercanggah dengan nilai dan tradisi yang ada. Contohnya, pakaian remaja perempuan yang singkat dan sendat bercanggah dengan nilai agama.

Remaja semakin sedar dan peka bahawa fesyen sebahagian daripada budaya mereka. Fesyen berubah dari semasa ke semasa. Pada waktu yang sama, media dan produk hiburan, seperti filem, buku, majalah, video dan televisyen, sentiasa memaparkan fesyen yang terbaharu. Saluran tersebut sangat berkesan dalam mempengaruhi gaya dan selera fesyen dalam kalangan remaja. Contohnya, mereka terlalu cepat dan mudah meniru gaya fesyen artis dalam filem, televisyen dan majalah hiburan. Oleh sebab itulah fesyen pakaian remaja adalah yang paling banyak ragamnya dan cepat berubah di pasaran.

Fesyen remaja juga ialah bahagian yang penting dalam industri pakaian. Dalam industri pakaian, tempuan utama



Remaja tempatan tidak seharusnya dibiarkan terdedah kepada fesyen remaja Barat.

diberikan terhadap fesyen remaja dengan alasan bahawa remaja lebih sedar dan peka tentang fesyen. Untuk menepati selera dan minat remaja, pereka fesyen merujuk kepada majalah, filem, muzik dan temu bual dengan remaja sebelum menghasilkan sesuatu fesyen. Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa perkara yang paling rapat dengan remaja kini ialah fesyen pakaian mereka.

Sebenarnya, fesyen ialah sesuatu yang sangat bersifat harian. Tidak ada orang yang tidak memberikan perhatian terhadap fesyen, hatta bagi orang yang bekerja di ladang. Dia tetap berfikir tentang pakaian yang harus dipakai untuk hari berkenaan. Pemilihan itu pula berdasarkan perasaan yang akan diperolehi dengan memakai pakaian yang berkenaan. Remaja sebagai golongan yang cenderung

mencari keseronokan dan keriangkan lebih sedar tentang fesyen mereka. Mereka sering mahu dilihat "hebat", iaitu sehebat ikon atau model pujaan mereka, seperti artis, keluarga diraja dan golongan atas.

Di Malaysia, remaja harus memberikan perhatian terhadap fesyen pakaian dan hiasan diri yang akur pada tradisi dan adat yang sedikit sebanyak membantu pembentukan kehidupan yang lebih sopan dan beradab. Fesyen yang mengikut peradaran zaman tidak semestinya yang terbuka, sendat dan singkat, tetapi boleh dicapai melalui pakaian yang lebih sopan, halus dan tertutup. Orang yang bertudung rapi tidak kurang cantiknya berbanding dengan mereka yang berambut keperang-perangan.

Sekiranya industri pakaian Barat dapat mengambil kesempatan daripada selera dan gaya remaja, barangkali pengusaha pakaian tempatan juga mampu melakukan perkara yang sama meskipun dengan skala yang lebih kecil. Remaja tidak harus dipengaruhi seluruhnya oleh pakaian Barat. Fesyen remaja tempatan juga tidak kurang menarik kalau direka bentuk sebegitu rupa, agar kelihatan bergaya tanpa melanggar tradisi dan adat ketimuran. Contohnya, busana Muslim yang sedang berkembang dan dapat diterima ramai.

Pengeluaran fesyen remaja tempatan bukan sahaja dapat menyediakan pilihan kepada golongan remaja, tetapi juga dapat mendidik mereka ke arah kehidupan yang lebih sopan dan tertib. Pakaian yang sopan secara langsung menjadikan si pemakainya sopan dan tertib. Remaja tempatan tidak seharusnya dibiarkan terdedah kepada fesyen remaja Barat kerana kita juga tidak mahu mereka menjalani kehidupan harian seperti remaja di sana.

Fesyen ialah bahasa yang bukan sahaja menceritakan diri yang memperagakannya, tetapi juga bayangan tentang nilai hidup mereka. Remaja pada hari ini akan menjadi dewasa pada esoknya. Remaja harus didewasakan bukan sahaja melalui pendidikan, kerukunan keluarga dan penjagaan kesihatan, tetapi juga melalui fesyen pakaian dan perhiasan diri kerana fesyen itulah yang paling rapat dengan mereka. Mereka sentiasa memperagakannya. ●●

